

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
2020
2 ¼ jam



SMK SUNGAI MANIK
36000 TELUK INTAN, PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
 2. *Jawab soalan **Bahagian A dan satu soalan Bahagian B.***
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar rajah di bawah ini menunjukkan peranan remaja sebagai modal insan yang berharga untuk membangunkan negara.

Huraikan pendapat anda tentang **peranan remaja dalam pembangunan negara**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



Bahagian B
[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Pada era globalisasi ini, penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang akan menentukan kejayaan masa hadapan kepada seseorang.

Sebagai seorang pelajar, huraikan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

2. Ibu bapa memainkan peranan yang besar dalam dunia pendidikan anak-anak terutamanya pada era revolusi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kini.

Huraikan tanggungjawab ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pembelajaran.

3. Anda akan menyertai pertandingan syarahan yang bertajuk 'Pendidikan Industri Pemangkin Pembangunan Negara'.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

4. Penularan wabak Coronavirus secara global telah menggegarkan satu dunia dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial di setiap negara selain menyebabkan kehilangan ribuan nyawa manusia.

Huraikan bentuk-bentuk kerjasama antara negara di dunia dalam usaha menangani isu-isu pandemik Coronavirus.

5. Karya sastera seperti novel mengandungi unsur jalan cerita yang banyak memberikan manfaat kepada pelbagai pihak.

Berdasarkan sebuah novel, jelaskan perkara-perkara yang dapat dijadikan panduan dalam hidup.

KERTAS SOALAN TAMAT